

07/02/1998

Hubungi imigresen urus pekerja

KUALA LUMPUR, Jumaat - Majikan di sektor pembinaan dan perkhidmatan yang mahu meneruskan khidmat atau mengagihkan pekerja masing-masing ke bidang perladangan dan perkilangan, perlu memaklumkan kepada Jabatan Imigresen selewat-lewatnya akhir bulan ini.

Majikan yang gagal berbuat demikian selepas diberikan masa sejak Disember lalu, dianggap tidak berminat meneruskan khidmat pekerja masing-masing atau menyalurkannya ke sektor lain, sekali gus Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) pekerja terbabit tidak akan diperbaharui.

Pegawai Perhubungan Awam Jabatan Imigresen, Mohd Sabri Zainal, berkata pihaknya sudah menghantar surat pemberitahuan kepada semua majikan supaya memaklumkan kepada jabatan secepat mungkin mengenai perkara itu.

Menurutnya, majikan yang tidak lagi memerlukan pekerja asing perlu menyerahkan senarai pekerja bagi membolehkan jawatankuasa khas di Kementerian Dalam Negeri mengagihkannya ke sektor perladangan dan perkilangan.

"Setakat ini, ada majikan sudah menyerahkannya tetapi sambutannya kurang menggalakkan. Oleh itu, majikan diminta memberi maklum balas dengan segera bagi memudahkan urusan pengagihan pekerja asing," katanya ketika dihubungi, di sini, hari ini.

Sebelum ini, kerajaan mengumumkan akan menghantar balik kira-kira 150,000 pekerja asing yang berkhidmat di sektor tidak produktif iaitu pembinaan dan perkhidmatan. Bagaimanapun, 60,000 daripada mereka diperlukan untuk mengisi kekosongan di sektor perladangan manakala 20,000 (perkilangan).

Minggu lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut memberi jaminan pekerja asing dari Indonesia tidak akan dihantar balik, sebaliknya diserapkan ke sektor yang bersesuaian dengan kemahiran mereka.

Jaminan itu diberikan ketika Dr Mahathir mengadakan perbincangan dengan Presiden Bank Dunia, James D Wolfensohn, bertujuan mengurangkan beban di Indonesia yang kini menghadapi kegawatan ekonomi.

Mohd Sabri berkata, majikan di sektor pembinaan dan perkhidmatan yang masih memerlukan pekerja asing diminta mengemukakan bukti bagi menyokong permohonan masing-masing.

"Permohonan mereka akan dipertimbangkan kerana kerajaan tidak mahu mana-mana projek yang sedang dijalankan tertangguh jika pekerja asing di sektor berkenaan dipindahkan ke sektor lain," katanya.

Sementara itu, Atase Penerangan Kedutaan Indonesia di sini, Achmad Nawawi Hasbi, ketika diminta mengulas jaminan Dr Mahathir itu berkata, kerajaannya berterima kasih kepada Kerajaan Malaysia.

(END)